

Najib Ajak Umat Islam Ambil Iktibar Peristiwa Israk Dan Mikraj
Bernama
17 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak umat Islam di negara ini bersama-sama mengambil iktibar peristiwa Israk dan Mikraj untuk mengukuhkan akhlak masing-masing sebagai seorang Islam yang unggul terutamanya melalui solat dan ibadah-ibadah yang lain.

Perdana Menteri berkata akhlak yang kurang baik dan keruntuhan moral oleh segelintir umat Islam kini berpunca daripada solatnya yang tidak khusyuk menyebabkan mereka masih melakukan perbuatan keji dan maksiat.

"Rasulullah SAW sentiasa menyeru kita agar menjaga solat dan akhlak. Pelaksanaan solat yang khusyuk berupaya menjadi benteng untuk mengukuhkan kekuatan akidah dan akhlak umat Islam bagi menghadapi segala serangan sosial masa kini.

"Semoga penghayatan kita kepada peristiwa hebat ini menjadikan hari esok kita lebih baik daripada hari ini. Insya-Allah," katanya dalam perutusan sempena peristiwa Israk dan Mikraj dalam blog beliau www.1malaysia.com.my hari ini.

Peristiwa Israk merupakan perjalanan Rasulullah dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin dengan diiringi oleh malaikat Jibrail dan Israfil, manakala peristiwa Mikraj pula perjalanan Rasulullah naik ke langit dengan ditemani malaikat Jibrail dan bertemu Allah.

Najib berkata biarpun kisah ini berlaku melebihi 1400 tahun lepas tetapi kerelevanan dan kepentingannya adalah amat signifikan buat umat Islam.

"Alhamdulillah, sekali lagi kita diberi kesempatan untuk bertemu bulan Rejab, dengan harapan akan disusuli dengan Syaaban seterusnya menikmati kemuliaan beribadah di bulan Ramadan.

"Sesungguhnya, 27 Rejab secara tradisinya membawa ingatan kita kepada satu peristiwa agung yang tiada taranya, iaitu Peristiwa Israk dan Mikraj," katanya.

Selain mengagumi peristiwa itu secara harfiah, adalah lebih afdal sekiranya umat Islam menjadikannya pedoman bagi mendepani cabaran semasa umat hari ini, katanya.

"Sebagaimana para Nabi telah disatukan untuk berimamkan Rasulullah SAW di Masjidil Aqsa, demikianlah kita perlu bersatu untuk mempertahankan serta menegakkan agama Islam," katanya.

Sesungguhnya, institusi masjid yang menjadi teras di dalam peristiwa bersejarah Israk dan Mikraj itu telah mengingatkan umat Islam dengan ikatan erat mereka dengan Masjidil Aqsa dan Baitulmaqdis, katanya.

"Dunia menyaksikan, bagaimana Malaysia terus istiqamah dengan pendirian kita menentang kezaliman dan keganasan rejim zionis Israel di Palestin tanpa berdolak-dalik," katanya.

Perdana Menteri turut menyeru segenap lapisan masyarakat agar menyokong usaha kerajaan dan mengambil bahagian dalam membina persekitaran negara yang aman dan selamat.

"Menyaksikan apa yang berlaku di luar negara, kita seharusnya bersyukur dengan kestabilan sosial, politik dan ekonomi yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita.

"Ini semua memerlukan dukungan dan peranan semua pihak. Syukur Alhamdulillah, baru-baru ini kita telah dinobatkan sebagai negara paling selamat di Asia Tenggara dalam Indeks Keamanan Global," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673693>